



MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta : Ridzuan Mohd Ghazali

Jabatan /
Bahagian : Modal Insan

MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku : Sampukan Jin Akhyar

Tempat
terbitan : Batu Caves, Kuala Lumpur

Penerbit : Buku Puris

Jumlah muka
surat : 148

Tahun terbitan : 2019

Sasaran umur
pembaca : 15 – 40 tahun

Komen fizikal : Buku ini tidak terlalu tebal. Bersesuaian dengan harganya yang berpatutan. Kertas yang digunakan untuk dicetak menggunakan kertas berkualiti. Ilustrasi kaver buku ini sarat dengan elemen mistik tetapi tidaklah melampaui batas. Jenis tulisan tajuknya juga sesuai dengan genre buku ini.

Positif : Walaupun genre buku ini adalah tentang mistik, ia bukan bertujuan menakutkan pembaca dengan perkara tahyul atau babak yang menyeramkan. Sebaliknya ia memberi banyak pengetahuan tentang dunia alam ghaib yang perlu pembaca ketahui selain nilai tarbiah yang mampu mendidik jiwa.

Negatif : Ada beberapa watak jin dalam buku ini yang sukar digambarkan bentuknya dan mungkin membuatkan pembaca membuat imaginasi yang aneh.

Kelebihan : Meskipun buku ini berkisar alam ghaib, jalan cerita yang disampaikan oleh penulis seperti kehidupan di dunia manusia. Jalan ceritanya mudah difahami dan

penulis mempamerkan pengalamannya dalam bidang penulisan kerana sukar untuk menemui kesalahan tata bahasa dan ejaan. Ini menjadikan mood pembaca tidak terganggu bagi menamatkan pembacaan buku ini.

Luahan rasa : Biasanya buku berkenaan jin ditulis dalam bentuk bukan fiksi yang penuh dengan fakta-fakta. Namun buku ini digarap dalam bentuk fiksi yang kreatif dan mampu menambah pengetahuan buat pembaca. Saya fikir pada awalnya, plot buku ini bergerak lurus sahaja. Ternyata saya silap kerana ada 'plot twist' di hujungnya yang membuatkan saya rasa ia buku yang menarik untuk dihadap.

Ulasan : Bukan dia tidak percaya akan makhluk lain selain manusia. Tetapi jika semua perkara mahu dikaitkan dengan makhluk itu, seolah-olah makhluk tersebut lebih berkuasa, lebih hebat dan lebih kuat daripada Tuhan. Berpada-padalah wahai manusia!

Bagai ditampar rasanya saat membaca perenggan di muka surat 130 buku ini. Benar, manusia adakalanya terlalu taasub pada dunia ghaib sehingga segalanya mahu dikaitkan dengan makhluk halus.

Membaca buku ini bukan hanya membawa pembaca ke alam jin Akhyar, tetapi menyedarkan pembaca akan realiti masa kini masyarakat yang terpecah kepada dua golongan. Satu golongan pentaasub. Satu lagi golongan yang enggan percaya kerana sudah tenggelam dengan arus kemodenan.

Buku ini mengisahkan tentang seorang ketua rumah tangga yang bernama Amran. Dia telah terlibat dalam satu kemalangan jalan raya semasa memandu pulang ke rumah. Sebaik dirinya tersedar, dirinya sudah berada di dalam sebuah penjara. Dia tidak tahu sebenarnya dia telah termasuk dalam alam jin Akhyar.

Amran turut dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan membunuh Chif Asrar. Dia yang tidak mengerti akan pertuduhan yang dihadapkan kepadanya, bernasib baik kerana didatangi peguam Qasid yang akan membela Amran daripada pertuduhan berkenaan.

Jin-jin yang marah dan berdendam, mahu membunuh Amran untuk menuntut bela terhadap kematian Chif Asrar. Mujur Amran diselamatkan oleh Qasid untuk lolos kembali ke dunia nyata. Akan tetapi, bantuan Qasid ada bayarannya. Sebaik Amran tersedar, dia mendapati dia telah hilang selama lima tahun dan isterinya sudah pun berkahwin dengan seorang lelaki yang persis wajah Qasid.

Ternyata pembaca terputar sama dalam belitan plot yang dihasilkan penulis apabila semua yang dilalui Amran itu hanyalah khayalannya sepanjang dia pengsan semasa hendak ke pejabat.

Saya memberikan lima daripada lima bintang bagi keseluruhan buku ini yang berjaya memberikan pengalaman yang mengujakan terhadap dunia ghaib dan seolah-olah sedang menonton sebuah filem.

Gambar Buku :

